



جَمْعِيَّةُ خُرَيجِي جَامِعَاتِ الشَّرقِ الْاَوْسَطِ الْمُسْلِمِيْنَ

PERSATUAN BEKAS MAHASISWA ISLAM TIMUR TENGAH

Middle Eastern Muslim Graduates Association

GARIS PANDUAN

BIASISWA PASCA-SISWAZAH
PERSATUAN BEKAS MAHASISWA ISLAM TIMUR TENGAH (PBMITT)

KANDUNGAN

PERKARA

HALAMAN

1. PENGENALAN
2. OBJEKTIF
3. SYARAT PERMOHONAN
4. KRITERIA PEMILIHAN
5. CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON
6. KADAR BIASISWA
7. TEMPOH PENAJAAN BIASISWA
8. CARA MEMOHON
9. TARIKH
10. TUTUP PERMOHONAN

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TARKAWAL
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS PENGURUSAN PBMITT ADALAH
TIDAK DIBENARKAN

1. PENGENALAN

Biasiswa Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah mula diperkenalkan pada tahun 2025. Biasiswa ini ditawarkan kepada calon pasca-siswazah yang menjalankan penyelidikan berkaitan sumbangan dan peranan Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah di Malaysia.

2. OBJEKTIF

Biasiswa ini adalah untuk membiayai SEORANG (1) calon pasca-siswazah peringkat Sarjana bagi tahun 2025 dalam tema berikut:

- i. Sejarah dan Peranan Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) di Malaysia

3. SYARAT PERMOHONAN

3.1 Syarat Asas

- a) Biasiswa ini terbuka kepada mana-mana calon yang akan mengikuti pengajian peringkat Sarjana di UKM pada semester 1 Sesi 2025/2026
- b) Keutamaan diberikan kepada lepasan Timur Tengah
- c) Kajian hendaklah berkaitan dengan tema dalam bidang yang dinyatakan seperti di atas
- d) Calon yang berjaya meski mengikuti pengajian di UKM secara SEPENUH MASA

3.2 Syarat Khusus

- a) Calon memperolehi pencapaian akademik sebagaimana berikut:
 - a) Ijazah Sarjana Muda Kelas Dua Atas atau CGPA/PNGK 3.00 di mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf;
- b) Calon dikehendaki melampirkan kertas cadangan penyelidikan sewaktu memohon dan membentangkannya dalam sesi temuduga yang akan diadakan.
- c) Memiliki ciri kepimpinan akademik yang baik, menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjalankan penyelidikan dan aktif dalam kegiatan kemasyarakatan merupakan satu kelebihan.

4. KRITERIA PEMILIHAN

- a) Calon yang layak dan memenuhi syarat umu dan khusus akan ditemu duga oleh panel penilai yang dilantik oleh Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT)
- b) Pemilihan akan dilakukan dengan mengambil kira prestasi semasa sesi temuduga, potensi calon dan kertas cadangan penyelidikan yang akan dikemukakan
- c) Perakuan daripada panel penilai akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) untuk tujuan kelulusan.

5. CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- a) Pemohon yang tiak memenuhi syarat kelayakan asas dan khusus yang ditetapkan
- b) Pemohon yang sedang mengikuti program secara jarak jauh atau separuh masa
- c) Pemohon yang masih terikat dengan mana-mana badan penajaan.
- d) Pemohon yang bekerja tetapi tiada surat pelepasan daripada majikan

6. KADAR BIASISWA

- a) Biasiswa ditawarkan merangkumi perkara berikut:
 - i. Yuran Pengajian
 - ii. Elaun sara hidup berjumlah RM 1,800.00 sebulan

7. TEMPOH PENAJAAN BIASISWA

- a) Ijazah Sarjana: 2 tahun/ 4 semester

8. PENAMATAN PENAJAAN BIASISWA

Calon boleh ditamatkan penajaan sekiranya:

- a) Calon tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam Laporan Kemajuan Calon (LKC) yang diisi oleh penyelia secara berkala;
- b) Calon yang menangguhkan pengajian selain daripada faktor kesihatan (dengan perakuan daripada doktor);
- c) Calon yang gagal dalam menyelesaikan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan

9. CARA MEMOHON

- a) Permohonan adalah secara dalam talian melalui *Google Form*
- b) Dokumen lengkap perlu disertakan dalam permohonan berikut;
 - i. Resume
 - ii. Salinan Kad Pengenalan
 - iii. Salinan Sijil Kelahiran
 - iv. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
 - v. Salinan Sijil dan Transkrip Sarjana Muda
 - vi. Salinan Surat Tawaran Pengajian ke UKM
 - vii. Kertas Cadangan Penyelidikan
- c) Semua salinan dokumen dan sijil perlu disahkan
- d) Kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat mestilah mengemukakan surat kelulusan daripada majikan masing-masing untuk mengikut pengajian sama ada bergaji penuh atau separuh gaji
- e) Sebarang pindaan pada syarat permohonan pada iklan ini, termasuk tarikh tutup permohonan, akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

10. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

- a) Tarikh tutup permohonan **30 SEPTEMBER 2025**
- b) Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **TIDAK** akan diproses.
- c) Permohonan yang **TIDAK LENGKAP** atau **TIDAK MEMENUHI** syarat yang ditetapkan **TIDAK** akan dipertimbangkan.
- d) Mana-mana permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah (PBMITT) **dalam tempoh SATU (1) BULAN** selepas tarikh tutup permohonan dianggap **TIDAK BERJAYA**



PERSATUAN BEKAS MAHASISWA ISLAM TIMUR TENGAH (PBMITT)

GARIS PANDUAN BIASISWA PASCA-SISWAZAH PERSATUAN BEKAS
MAHASISWA ISLAM TIMUR TENGAH (PBMITT)

PERSATUAN BEKAS MAHASISWA ISLAM TIMUR TENGAH
NO. 34, JALAN 3/70 SEKSYEN 3
43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGIR
NO. TEL: +6019364 7620 (Setiausaha Agong)
EMEL: sua.pbmitt@gmail.com
LAMAM SESAWANG: <https://www.pbmitt.org.my>